



**Jabatan Bandaran,
Bandar Seri Begawan,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

PIAGAM PELANGGAN
CLIENT CHARTER

Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan dengan ini memberi jaminan bahawa mulai **16 Februari, 1998** permohonan-permohonan bagi mendapatkan kebenaran memasang papantanda dan kain rentang akan dapat dikeluarkan kelulusannya dalam tempoh masa yang disebutkan berikut :

KATEGORI PERMOHONAN	DISELESAIKAN DALAM TEMPOH (JUMLAH HARI)
i. Pemasangan Papantanda.	7 hari
ii. Pemasangan Kain Rentang.	7 hari

NOTA :

Tempoh masa yang dipegang adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut :

1. Permohonan yang dikemukakan memenuhi syarat-syarat yang ditentukan seperti dalam garis panduan ;
2. Permohonan dikemukakan secara peribadi atau melalui wakil sahaja (**bukannya melalui POS**).

Sebarang pertanyaan mengenai panduan ini dan mengenai kedudukan permohonan awda bolehlah dirujuk kepada :

**BAHAGIAN PERANCANGAN DAN KAWALAN BANGUNAN,
JABATAN BANDARAN, BANDAR SERI BEGAWAN,
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
Tel. : (02) 244151 Samb. 49 & 52.**

GARIS PANDUAN BAGI PEMOHON-PEMOHON

PERINGATAN KHAS

1. WAKTU PENERIMAAN BORANG-BORANG PERMOHONAN :

- * ISNIN HINGGA KHAMIS - 9.00 PAGI HINGGA 11.00 PAGI
- 2.00 PETANG HINGGA 3.00 PETANG
- * SABTU - 9.00 PAGI HINGGA 11.00 PAGI

2. BORANG PERMOHONAN YANG DIISI LENGKAP HENDAKLAH DIKEMUKAKAN KEPADA PETUGAS DI :

Kaunter Perkhidmatan Pelanggan,
Bahagian Perancangan dan Kawalan Bangunan,
Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan,
Tingkat 6, Bangunan Pusat Komersial dan Perdagangan Bumiputera,
Jalan Cator, Bandar Seri Begawan.

3. JIKA KEHENDAK-KEHENDAK (REQUIREMENTS) DISENARAIKAN DI BAWAH TIDAK DIPENUHI, PERMOHONAN AWDA TIDAK AKAN DILAYAN.

TERIMA KASIH DI ATAS PERHATIAN AWDA

A. MEMOHON KEBENARAN BAGI MEMBUAT PAPANTANDA

1. Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang Permohonan (Borang PPBI) yang boleh diperolehi dengan bayaran B\$2.00 dari Kaunter Perkhidmatan Pelanggan, Bahagian Kewangan, Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan. 1 Salinan
2. Contoh Skrip Jawi dan Rumi dari Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka. 3 Salinan
3. Pelan Lokasi (Site Plan). 3 Salinan
4. Pelan Tempat Pemasangan Papantanda. 3 Salinan
5. Pelan Lengkap Papantanda yang menunjukkan Susunatur Ayat/Skrip, Rupa dan Dimensi (Complete Detailed Plan). 3 Salinan
6. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan/Syarikat yang ditubuhkan dan didaftarkan di Negara ini di bawah Seksyen 16 dan 17 dari Akta Pendaftaran Nama-Nama Perniagaan (Copies of Certificate of Business Registration under Sections 16 dan 17 under Business Names Registrations Act), atau Sijil Pendaftaran Syarikat bagi syarikat luar negeri yang ditubuhkan dan didaftar di Negara ini secara syer/français atau seumpamanya di bawah Akta Syarikat. 1 Salinan
(Nota : Sijil Perakuan Pendaftaran Syarikat yang hanya mengakui pendaftarannya di luar Negara ini tidak diterima).
7. Kebenaran Pemilik Bangunan/Tanah hendaklah terlebih dahulu diperolehi.
8. Logo yang dibubuh pada Papantanda buat pertama kali atau menukar logo, salinan Surat Kebenaran dari Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri hendaklah disertakan. 1 Salinan
9. **DILARANG SAMA SEKALI** membubuh Skrip Asing selain daripada Skrip Jawi dan Rumi dan/atau Logo/Jenama yang tidak kena-mengena dengan corak perniagaan, dalam Papantanda.
10. Bayaran Pendaftaran Pelan. B\$2.00
11. Membubuh Nombor Rujukan Kebenaran di bahagian paling bawah sebelah kanan Papantanda.

NOTA :

Mana-mana Papantanda yang dipasang tidak mengikut garis panduan yang telah ditetapkan akan diturunkan oleh pihak Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan dan segala perbelanjaan akan dipertanggungjawabkan kepada pemohon.

B. MEMOHON KEBENARAN BAGI MEMBUAT DAN MEMASANG KAIN RENTANG.

1. Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang Permohonan (Borang PPBI) yang boleh diperolehi dengan bayaran B\$2.00 dari Kaunter Perkhidmatan Pelanggan, Bahagian Kewangan, Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan. 1 Salinan
2. Contoh Skrip Jawi dan Rumi dari Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka. 3 Salinan
3. Pelan/Lukisan Kain Rentang yang menunjukkan Susunatur Ayat/Skrip, Rupa dan Dimensi (Complete Details). 3 Salinan
4. Bagi tujuan Iklan sahaja seperti Jualan Murah atau Jualan Murah Bermusim atau apa jua sempenanya : Salinan Surat Kebenaran dari Pengarah Unit Perancang Ekonomi perlu dibekalkan. 1 Salinan
5. Tempat Pemasangan/Penggantungan : Di tempat Perniagaan Sendiri Sahaja.
6. Bayaran Pendaftaran Pelan. B\$2.00
7. Sebelum dipasang/digantung, Kain Rentang itu hendaklah dibawa ke Bahagian Perancangan dan Kawalan Bangunan, Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan bagi pengesahan dan ditandatangani.



Jabatan Bandaran,
Bandar Seri Begawan,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

PERMOHONAN MENDAPATKAN KEBENARAN MEMBUAT DAN MEMASANG PAPANANDA DAN KAIN RENTANG

PERHATIAN KHAS :

- Borang PPB1 ini dikenakan bayaran B\$2.00, dan hendaklah digunakan dan diisi dengan lengkap ketika mengemukakan Permohonan.
- (*) bererti untuk ditanda () mana yang berkenaan sahaja.
- Permohonan hendaklah dikemukakan kepada petugas di Kaunter Perkhidmatan Pelanggan bukannya dipos.
- Mana-mana permohonan yang gagal memenuhi arahan dan kehendak-kehendak yang telah ditentukan akan ditolak.

KEPADA :
Pengerusi Lembaga Bandaran,
Bandar Seri Begawan,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

1. Saya/Kami dengan ini mengemukakan permohonan untuk mendapat kebenaran bagi tujuan yang disebutkan berikut : (*)

A. Membuat dan Memasang Papananda.

B. Membuat dan Memasang Kain Rentang.

Di alamat seperti yang dinyatakan berikut :

Nama Bangunan :

Nombor Lot :

Alamat :

.....

.....

.....

2. Saya/Kami sertakan perkara-perkara berikut : (*)

A. Memohon Kebenaran Bagi Membuat dan Memasang Papananda.

(NOTA : * Kebenaran Pemilik Bangunan/Tanah hendaklah diperolehi).

- | | | |
|---|-----------|--------------------------|
| ● Contoh Skrip Jawi dan Rumi dari Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka. | 3 Salinan | <input type="checkbox"/> |
| ● Pelan Lokasi (Site Plan). | 3 Salinan | <input type="checkbox"/> |
| ● Pelan Tempat Pemasangan Papananda. | 3 Salinan | <input type="checkbox"/> |
| ● Pelan Lengkap Papananda yang menunjukkan Susunatur Ayat/Skrip, Rupa dan Dimensi (Complete Detailed Plan). | 3 Salinan | <input type="checkbox"/> |
| ● Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan/Syarikat. | 1 Salinan | <input type="checkbox"/> |
| ● Salinan Surat Kebenaran dari Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (Nota : Bagi yang membubuh LOGO buat pertama kali atau mengganti sahaja). | 1 Salinan | <input type="checkbox"/> |
| ● Bayaran Pendaftaran Pelan. | B\$2.00 | <input type="checkbox"/> |

NOTA :

- **Kebenaran Bertulis** untuk **Membuat Papantanda** akan diberikan dalam tempoh 7 hari. Pemohon diperlukan untuk memaklumkan secara bertulis tentang kesiapan Papantanda termaklum untuk diperiksa.
- **Kebenaran Bertulis** bagi **Memasang Papantanda** hanya akan diberikan setelah ia diperiksa dan disahkan memenuhi kehendak-kehendak di atas.

*** PENGESAHAN PEMILIK BANGUNAN/TANAH**

(PERINGATAN : Pengesahan Pemilik Bangunan/Tanah adalah diperlukan dalam menyokong permohonan mendapatkan kebenaran MEMBUAT DAN MEMASANG PAPANTANDA dinyatakan di atas. Tanpa pengesahan dari Pemilik Bangunan/Tanah permohonan di atas tidak akan dilayan).

Saya/Kami tiada halangan terhadap pemasangan PAPANTANDA di bangunan/tanah saya/kami seperti permohonan yang dibuat di atas jika ianya diluluskan oleh pihak Pengerusi Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan. (*)

- i.
- ii.
- iii.
- iv.
- v.

(Tandatangan dan Nama Pemilik atau Pengurus Estet bagi pihak Pemilik)

B. Memohon Kebenaran Bagi Membuat dan Memasang Kain Rentang.

- | | | |
|--|-----------|--------------------------|
| ● Contoh Skrip Jawi dan Rumi dari Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka. | 3 Salinan | <input type="checkbox"/> |
| ● Pelan/Lukisan Kain Rentang yang menunjukkan Susunatur Ayat/Skrip, Rupa dan Dimensi (Complete Details). | 3 Salinan | <input type="checkbox"/> |
| ● Salinan Surat Kebenaran dari Pengarah Unit Perancang Ekonomi. | 1 Salinan | <input type="checkbox"/> |
| ● Bayaran Pendaftaran Pelan/Lukisan. | B\$2.00 | <input type="checkbox"/> |

NOTA :

- **Kebenaran Bertulis** untuk **Membuat Kain Rentang** akan diberikan dalam tempoh 7 hari. Setelah siap dibuat, pemohon diperlukan untuk membawa Kain Rentang termaklum ke Pejabat untuk diperiksa.
- **Kebenaran** bagi **Memasang Kain Rentang** hanya akan diberikan setelah ia diperiksa dan disahkan memenuhi kehendak-kehendak di atas.

3. MAKLUMAT LENGKAP MENGENAI PEMOHON

Tandatangan dan Nama Pemohon :

No. Kad Pengenalan : Warna :

Alamat :

No. Telefon : No. Faks :

Tarikh :